

# PM: Kerajaan BN berjaya kurangkan kadar kemiskinan

UM 16 JUL 2002

Oleh ZULKIFLEE BAKAR

PENDANG 15 Julai — Dasar pembangunan kerajaan Barisan Nasional (BN) berjaya mengurangkan kadar kemiskinan penduduk di negara ini daripada 80 peratus kepada tujuh peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak pernah melupakan golongan yang miskin dan ini terbukti melalui pelbagai program yang dilaksanakan termasuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

“Semua itu dapat dicapai kerana kerajaan Barisan Nasional hanya memikirkan bagaimana hendak menolong rakyat miskin. Kita tidak mempunyai niat lain selain menolong mereka.

“Dasar BN adalah mengimbang antara golongan yang miskin dengan yang kaya,” katanya semasa berucap merasmikan Hari

Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kedah di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, peladang, penternak dan nelayan masih ramai lagi yang hidup dalam kemiskinan dan kerajaan sentiasa berusaha menolong mereka.

## ● PM: Jangan gadai maruah dan masa depan — Muka 2

“Tetapi Pas lebih suka melihat ramai orang miskin dan terus miskin selamanya kerana apabila rakyat masih hidup dalam kemiskinan, dapatlah parti itu menghasut dengan berkata, tengoklah kerajaan tak buat apa-apa (untuk membantu golongan miskin),” katanya.

Beliau berkata, walaupun pembangkang cuba memperkecilkan usaha kerajaan, kerajaan akan tetap berusaha membantu supaya rakyat tidak terus miskin.

“Pesawah telah dapat menanam padi dua kali setahun yang menambah pendapatan

mereka dan menjadikan mereka lebih mewah, itu adalah hasil usaha kerajaan mewujudkan rancangan pengairan.

“Selain itu kerajaan bagi subsidi baja, naik harga padi dan sekarang kita rancang ternakan dalam terusan di kawasan Mada (Lembaga Pengairan Pertanian Muda),” katanya.

Perdana Menteri berkata, sewaktu kerajaan mahu mewujudkan Mada dahulu, Pas membawa cerita kononnya projek itu adalah rancangan gila yang tidak boleh berjaya.

“Mereka mempersoalkan bolehkah tanam padi dua kali setahun dan mempersendakannya dengan berkata, tanah akan menanngis kerana tak cukup rehat dan kain para petani pun tak sempat nak kering,” katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir kesal kerana Pas menolak semua usaha murni itu dan meminta rakyat benci dan jangan berterima kasih kepada kerajaan BN. Tindakan Pas itu, kata beliau, bertujuan politik semata-mata.

■ Lihat muka 4

# PM: Kerajaan BN berjaya kurangkan kadar kemiskinan

UM 16 JUL 2002

Dr. Mahathir berkata, budaya berterima kasih yang dididik sejak kecil itu tidak disenangi oleh Pas yang merasakan ia boleh mengancam kedudukan politik mereka.

Dalam pada itu, beliau membidas sikap Pas yang menyebarkan fitnah yang dianggap terbesar oleh Perdana Menteri kerana menyatakan beliau pernah membuat kenyataan bahawa umat Islam tidak perlu berterima kasih kepada Nabi Muhammad.

"Saya kesal kenapalah sampai ke tahap itu, saya minta pemimpin Pas seperti Nik Aziz Nik Mat membaca ayat al-Quran yang melarang umat Islam melakukan fitnah iaitu satu dosa yang besar dan perbuatan itu lebih buruk dari membunuh," katanya.

Beliau berkata, Pas tidak melakukan apa-apa selain daripada menanam kebencian di kalangan rakyat kepada kerajaan yang kononnya dipimpin oleh 'sang Firaun'.

"Berapa sudah saya bunuh (sehingga dipanggil Firaun), Firaun nak letak jawatan dan pencen ke, Firaun tak pernah pencen... kenapa buat macam tu, kalau nak kata saya hodoh katalah... teruk sangat kah saya ni," kata beliau.

Perdana Menteri juga kesal dengan sikap pembangkang yang menuduh beliau zalim sedangkan apa yang beliau lakukan selama ini ialah membantu rakyat.

"Apakah menolong rakyat dianggap zalim, kerajaan melabur berbilion ringgit untuk membangunkan negara ini hasil daripada kutipan cukai, bukan daripada golongan petani penternak dan nelayan tetapi melalui orang kaya. Itulah hasil kecekapan kerajaan, kalau di Kelantan di bawah pimpinan Pas apa yang ada?," katanya.

Beliau menegaskan, Pas gagal mentadbir Kelantan dengan baik sehingga tidak mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri itu dan memaksa mereka berhijrah ke negeri lain.

"Di mana-mana sahaja kita pergi, kita akan jumpa orang Kelantan, keadaan itu berlaku kerana Kelantan tidak ditadbir dengan baik bukan kerana pegawai kerajaan tidak cekap tetapi kerana kerajaan Pas tidak tahu berbuat apa-apa dari segi pembangunan," katanya.